

# Bantah Russia: Ucapan syabas kepada Pemuda

BATU PAHAT, Khamis — Menteri Besar, Datuk Abdul Ajib Ahmad hari ini mengucapkan syabas kepada Pergerakan Pemuda Umno Malaysia yang akan menganjurkan satu rapat umum esok sebagai membantah ancaman Russia hendak meruntuhkan sistem politik Malaysia dan lain-lain negara Asean.

Katanya, ancaman Russia hendak membantu gerakan-gerakan bawah tanah yang menentang kerajaan negara-negara Asean adalah satu perkara yang harus dipandang berat dan memang patut dikecam.

"Saya sendiri tidak rela hidup dalam sistem yang mengenyepikan kebebasan individu dan keseluruhan cara hidup dicorakkan oleh pemimpin-pemimpin negara sahaja," katanya.

Katanya, setiap rakyat mestilah bersatu padu mempertahankan struktur politik yang telah dibina sejak negara mencapai kemerdekaan.

## Falsafah

"Sistem politik yang dibina oleh Umno selama ini adalah struktur hidup yang dapat memberi ke-selesaian pada semua lapisan rakyat," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda Umno Bahagian Batu Pahat di sini pagi tadi.

Datuk Ajib berkata setiap rakyat Malaysia bebas memilih apa sahaja jenis pekerjaan yang disukainya dan bebas pula memilih pemimpin mereka setiap lima tahun sekali tanpa campurtangan asing.

Beliau menambah, Pergerakan Pemuda Umno mestilah mencontohi semangat perjuangan pejuang-pejuang Mujahidin Afghanistan yang sentiasa padu dalam mempertahankan kedaulatan tanah air sehingga dapat menggagalkan rancangan Russia hendak menakluki negara itu sepenuhnya sejak dua tahun lalu.

Di samping itu, Datuk Ajib yang juga Timbalan Ketua Perhubungan Umno Johor berpesan kepada para perwakilan supaya menyebarkan tiga falsafah perjuangan

Umno kepada ahli-ahli di peringkat cawangan.

Pertama mewujudkan kepemimpinan yang dapat diterima oleh semua golongan masyarakat.

Mutu dan gaya pimpinan yang hendak ditonjolkan itu, tambah beliau, mestilah pertama sekali dapat diterima oleh ahli-ahli Umno yang semakin bertambah sekarang.

Kedua perjuangan memberi pembangunan kepada rakyat.

Ketiga mewujudkan kemantapan di semua peringkat dan struktur politik Umno dan negara ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia